

Penuntut UPM Diingatkan Tidak Terpengaruh Dengan Budaya Negatif - Sultan Selangor
Bernama
16 Oktober, 2012

SERDANG, 16 Okt (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah baru-baru ini bertitah mengingatkan penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif seperti penglibatan dalam politik kepartian dalam kampus, demonstrasi jalanan atau tuntutan kebebasan bersuara yang diperjuangkan segolongan pihak yang hanya mementingkan ideologi politik mereka.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah sebagai contoh baru-baru ini, terdapat segolongan generasi muda yang sanggup cuba mengubah dan menukar Bendera Malaysia yang telah menjadi identiti global dan juga lambang kedaulatan dan perpaduan serta kebanggaan negara yang dikasihi.

"Beta berharap agar para pelajar dan juga alumni UPM mempunyai jiwa dan semangat patriotik yang tinggi kepada negara dan tidak sewenang-wenangnya mempermainkan kedaulatan negara dengan cuba menukar bendera atau melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej negara Malaysia.

"Jika kita perhatikan di negara-negara maju yang lain, rakyatnya amat menghormati dan mempunyai semangat cintakan bendera dan negara mereka, serta sanggup mati untuk mempertahankan bendera negara mereka. Jangan kita menang sorak semata-mata tetapi sebenarnya kita tidak dapat mencapai objektif sebenar berada di universiti," titah baginda pada majlis Konvokesyen UPM ke-36.

Baginda mengingatkan, para pelajar boleh mengikuti perkembangan politik semasa di dalam negara dengan tidak terlalu melibatkan diri dan taksab berpolitik sehingga mengabaikan serta lupa tujuan asal ke universiti untuk menimba ilmu pengetahuan.

"Para pelajar dan graduan UPM perlu memenuhi tuntutan sebagai pelajar dan graduan universiti untuk memelihara nilai-nilai murni dan integriti. Jangan sesekali menjatuhkan nama baik universiti dengan terlibat dalam gejala negatif seperti rasuah, tidak amanah dan menyalahgunakan kuasa," titah baginda.

Sultan Sharafuddin mengingatkan pelajar untuk fokus dan memberikan tumpuan yang utama terhadap pembelajaran di universiti kerana ilmu pengetahuan merupakan kekuatan utama dalam menentukan kejayaan pelajar dan para graduan pada masa kini dan akan datang.

"Tanpa kekuatan ilmu pengetahuan, kemajuan negara tidak dapat dibangunkan secara sepenuhnya dan kita akan bergantung kepada ihsan negara maju yang lain.

Kita perlu ingat bahawa ramai lagi pelajar yang tidak dapat peluang untuk belajar di universiti atau di mana-mana institusi pengajian tinggi. Oleh itu, janganlah dipersia-siakan peluang yang ada ini dan janganlah menghampakan harapan ibu bapa dan keluarga," titah baginda.

Baginda juga berharap para graduan akan memanfaatkan budaya ilmu ini agar berterusan dari generasi ke generasi bagi membina tamadun Malaysia yang berkualiti dan lebih maju pada masa depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702450>